

U SAHA-USAHA untuk menjadikan olahraga silat sebagai satu acara dalam Sukan SEA telah dimulakan sejak 1979 lagi tetapi tidak mendapat sokongan.

Berita Minggu

Mejar-Jeneral Eddie berkata: "Barangkali juga kerana kita belum begitu dikenal. Malaysia belum ada wadah (iaitu Pesaka). Kegiatan silat masih di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

12 OCT 1986

"Dengan terbentuknya Pesaka, organisasi sudah menjadi mantap," katanya lagi. Lantas, dalam 1980, Persilat dibentuk dan usaha-usaha dipergiatkan.

Antara usaha-usaha yang nampak ialah Festival Silat Antarabangsa — pertandingan antarabangsa yang dianjurkan oleh Persilat untuk lebih memperkenalkan silat kepada dunia antarabangsa.

Pertama kali dalam 1982 dengan tujuh negara menyertainya. Kedua dalam 1984 dengan 11 negara dan ketiga tahun ini, di Vienna. Sebanyak 14 negara mengikuti pertandingan kali ini, katanya.

Walaupun Persilat merupakan penganjur festival tersebut, setiap peserta membiayai perbelanjaan mereka sendiri. Hanya dua festival di Jakarta dalam 1982 dan 1984, Indonesia menyediakan tempat tinggal "ala kadar".

Mejar-Jeneral Eddie yakin festival silat antarabangsa sudah membantu Persilat dalam memperkenalkan olahraga silat kepada dunia luar.

"Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei adalah negara sumber pencak silat. Jadi, sebagaimana yang kita ketahui, ketiga-tiga negara ini sentiasa menjadi perintis untuk memasyarakatkan silat keluar daripada wilayah kita," katanya.

Ekoran daripada festival itu, beberapa pertubuhan silat kini telah bercambah di beberapa buah

negara Eropah seperti Belanda, Austria dan Jerman Barat.

"Negara-negara barat sudah mula aktif," katanya.

Sebenarnya, hasrat untuk menjadikan silat acara dalam Sukan SEA telah bercambah dalam sanubari Mejar-Jeneral Eddie sejak beliau dilantik menjadi Ketua Umum Ipsi dalam 1977.

"Secara peribadi saya sudah berangan-angan agar pencak silat yang sudah dikenal oleh pelbagai bangsa di dunia ini dipertandingkan di Sea Games".

Dari pengalaman menganjurkan festival silat antarabangsa itu, Persilat sedikit demi sedikit berjaya melakarkan peraturan dan tatacara pertandingan.

Sekarang sudah lengkap. "Nanti di Sea Games tinggal hanya memindahkan organisasi itu ke satu lembaga SEA Games," katanya.

Segala persiapan itu ternyata

Usaha mulanya tidak mendapat sokongan



• WANITA juga tidak ketinggalan... mereka berupaya 'beradu tenaga' dalam olahraga silat.

berhasil. Dalam sidang jawatan-kuasa eksko dan majlis Sukan itu di Jakarta pada 25 Ogos lalu, Indonesia, Singapura, Malaysia dan Brunei menyokong apabila silat olahraga diundikan untuk dijadikan sebagai satu acara dalam pertandingan, kata Mejar-Jeneral Eddie, yang bertindak selaku Ketua Pelaksana Harian Sukan SEA di Indonesia tahun depan.

Dengan dokongan keempat-empat negara itu, katanya lagi, mesyuarat itu menerima olahraga silat untuk dipertandingkan.

Ia adalah sejajar dengan peraturan 33 Federasi Sukan SEA

yang menyebut bahawa sekurang-kurangnya empat anggota persatuan dalam majlis SEA menyatakan hasrat mereka untuk mengambil bahagian.

Mejar-Jeneral Eddie berkata Indonesia sedia membantu negara-negara yang ingin bantuan seperti Brunei untuk membangunkan pasukan olahraga silatnya.

Satu pertemuan dijangka akan diadakan dalam masa tiga bulan akan datang antara keempat-empat negara yang terlibat.